

22 MAR 2001

KONGRES EKONOMI UNTUK MANTAPKAN PERNIAGAAN B/PUTERA

KOTA KINABALU, 22 Mac (Bernama) -- Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 pada Sabtu dan Ahad ini dijangka menghasilkan beberapa resolusi bagi memantapkan pelaksanaan program masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera di Sabah.

Menurut pengerusi jawatankuasa publisiti kongres itu, Effendi Mohamed Sunoh, sembilan kertas kerja akan dibentangkan termasuk oleh Penasihat kepada Kementerian Kewangan Datuk Mustapa Mohamed.

Sesuai dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan program masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra di Sabah khususnya perlu diperhebatkan agar semua golongan usahawan Bumiputera dapat dibangunkan setanding dengan apa yang dicapai di negeri-negeri lain, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kongres yang akan disertai lebih 800 orang itu, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kongres berkenaan akan dimulakan pada pukul 8.15 pagi Sabtu ini untuk pembentangan kertas kerja pertama dan kedua sebelum ditangguhkan pada pukul 10.30 pagi bagi majlis perasmian oleh Perdana Menteri.

-- BERNAMA

JS MAI